

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---



**Minggu Haluan Siswa  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Sesi 2024 / 2025**

**10 Oktober 2024 / 10.30 pagi  
Dewan Canselor**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Terima kasih pengacara majlis  
Bismillahirahmanirahim

### **SALUTASI**


-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan satu program tahunan yang penting, iaitu **Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2024/2025 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

2. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **YBhg. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, Setiausaha Politik kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri** kerana sudi hadir bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini.

3. Saya juga mengambil peluang ini untuk **merakamkan ucapan tahniah kepada TUAH dan TEJA** sekalian yang telah memilih serta berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga besar Universiti Teknikal Malaysia Melaka secara rasminya. Untuk makluman YBhg. Datuk, mahasiswa/i di UTeM di gelar TUAH

dan TEJA mengambil semangat kepahlawanan Melayu Melaka. Diharapkan bahawa mereka ini akan berjuang habis-habisan dengan mencipta dan mengumpul seberapa banyak ilmu, kemahiran dan momen terindah sebagai bekalan bermanfaat untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan.

- 
4. Sebagai makluman bersama, berdasarkan statistik pada 8 Oktober 2024, **kemasukan pelajar baru Sesi I 2024 / 2025 adalah seramai 2,914** pelajar merangkumi:
    - 490 orang di Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE),

- 514 orang di Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK),
  - 531 orang di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM),
  - 203 orang di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP),
  - 670 orang di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), dan
  - 506 orang di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT),
5. Suka ingin saya maklumkan juga bahawa Minggu Haluan Siswa ini turut **disertai oleh 589 pelajar Diploma** yang telah

mendaftarkan diri bagi semester khas permulaan pada bulan Ogos yang lepas, dan juga seramai **179 orang pelajar ‘direct entry’** kemasukan Mac 2024 menjadikan **bilangan keseluruhan TUAH dan TEJA UTeM yang berada di dalam dewan pada hari ini adalah seramai 3,682 orang.** Untuk makluman YBhg. Datuk serta hadirin sekalian, jumlah kemasukan ini merupakan **teramai di kalangan MTUN dan juga tertinggi dalam sejarah UTeM.**

Hadirlin yang dihormati sekalian,

6. Program Minggu Haluan Siswa yang dianjurkan oleh universiti pada setiap tahun merupakan komitmen kami di UTeM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik menerusi **pengisian slot**

**penerangan yang penting sebagai persediaan awal kepada TUAH dan TEJA UTeM untuk meneruskan kehidupan di kampus sepanjang pengajian.**

7. Minggu Haluan Siswa juga merupakan **platform kepada TUAH dan TEJA untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan baharu di universiti**. Ambillah kesempatan ini untuk menjalankan ikatan silaturrahim dan mengenali antara satu sama lain, memandangkan latar belakang TUAH dan TEJA UTeM semua terdiri dari pelbagai kaum dan dari negeri yang berbeza. Kenali dan jadikan mereka ini sebagai rakan dan sahabat baik untuk membina diri ke arah yang positif di sepanjang pengajian di kampus.

8. Bukan itu sahaja, **seramai 170 pelajar telah dipersiapkan dengan kompetensi sebagai fasilitator** bagi membantu TUAH dan TEJA UTeM baru untuk mengenali dan menyesuaikan diri di sepanjang Minggu Haluan Siswa ini. Justeru, saya menasihatkan kepada semua TUAH dan TEJA UTeM untuk menggunakan peluang terbaik ini dengan segera merujuk kepada para fasilitator jika memerlukan sebarang penerangan dan penjelasan terhadap sebarang kemusykilan khususnya berhubung kehidupan di kampus.

Hadirin sekalian,

9. Selaras dengan perkembangan terkini bidang teknikal dan teknologi negara, UTeM turut komited dalam usaha untuk

melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang teknologi kejuruteraan bagi **menyokong usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET)** sepetimana yang dihasratkan oleh negara. Sebagai makluman, UTeM merupakan universiti teknikal pertama dalam Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan saya merupakan Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor MTUN.

10. Melalui MTUN pelbagai agenda telah dirancang dalam memastikan TVET menjadi pilihan utama seterusnya dapat memastikan **graduan TVET MTUN menjadi pilihan utama industri seterusnya mandapat tawaran gaji premium.**

Ingin saya maklumkan di sini bahawa UTeM telah mencapai **Kadar Kebolehpasaran Graduan 97.7% bagi tahun 2023** dan ini merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah UTeM juga tertinggi di kalangan MTUN bagi tahun 2023.

11. Bukan itu sahaja, UTeM juga turut telah mencapai **kejayaan dalam beberapa acara berprestij** di dalam dan luar negara. Antaranya:
  - Mendapat **Anugerah Universiti TVET Terbaik Malaysia (Kategori Universiti Awam)** di Majlis Education & TVET Awards 2024,
  - **Atlet memanah UTeM, Muhammad Hafiyzul Hadi bin Haidi** dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik

(FTKE) meraih pencapaian cemerlang di Asean University Games 2024 di Surabaya Indonesia apabila berjaya meraih pingat perak dalam Acara recurve berpasukan, dan

- Alumni Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), En. Ahmad Nawawi Amin, telah dianugerahkan Anugerah Alumni Muda Harapan di Majlis Malam Alumni Universiti Awam 2024 yang berlangsung pada 17 Ogos 2024.

- 
12. Pencapaian yang diperoleh ini merupakan bukti bahawa TUAH dan TEJA UTeM bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga turut dilengkapi dengan 8 Dimensi

TUAH UTeM yang bertujuan untuk mengasah bakat dan kemahiran insaniah mereka selaras dengan kehendak pasaran industri.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya berpesan kepada TUAH dan TEJA UTeM sekalian. Tanggungjawab dan harapan ibu bapa yang disandarkan kepada anda semua adalah sangat besar. Segala pengorbanan yang telah mereka curahkan adalah untuk memastikan anda berjaya menjadi insan yang bukan sahaja berjaya di masa hadapan tetapi juga mampu berbakti kepada masyarakat. **Gunakanlah masa anda di UTeM dengan menimba ilmu sebanyak yang boleh sebagai bekalan untuk memasuki industri.**

Insyaallah saya percaya anda semua akan kembali semula ke Dewan Canselor ini untuk Majlis Konvokesyen anda semua.

14. Akhir kata saya sekali lagi saya **merakamkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin, Setiausaha Politik kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri** kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan majlis pada hari ini. Kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS 2024, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, fasilitator, syabas dan terima kasih atas usaha memastikan program ini berjalan lancar. Kepada seluruh TUAH dan TEJA UTeM yang baru,

saya doakan semoga maju jaya sepanjang pengajian anda di UTeM.

**Cantik si helang terbang bergaya,**

**Hinggap seketika di dahan ara;**

**Siswa UTeM warga berjaya,**

**Peribadi cemerlang pewaris negara.**

Wabillahhitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahhiwabarakatuh

جامعة ملaka التقنية

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA